

NO SOALAN :20**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2017

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan lengkap, kesemua pelaburan dan nilai pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh GLC dan GLIC Malaysia di Myanmar, sepanjang tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, dimaklumkan bahawa beberapa GLC dari Malaysia telah melabur di Myanmar pada tahun 2016 bagi tujuan seperti berikut:

- Pinjaman daripada pihak pemegang saham bagi anak syarikat yang beroperasi di Myanmar;
- Pelaburan ekuiti secara tidak langsung dalam anak syarikat

yang diperbadankan di Myanmar;

- Suntikan modal dalam cawangan bagi memastikan kedudukan modal berada pada tahap keperluan minimum; dan
- Perbelanjaan operasi untuk menjalankan operasi sedia ada di Myanmar